

مجلس بنداراياء اسكندر فوترى
Buletin
Bandaraya
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI



Bil.3/2023 UKPA

Laman Web : www.mbip.gov.my | E-mel : admin@mbip.gov.my



**SUMBANGAN KEPADA YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR
DI PROGRAM AMAL LAKSAMANA RUN 2023**

ISBN 9789671548806



019 7555404



MBIP- Majlis Bandaraya Iskandar Puteri



Hotline Call Centre 1-300-80-5000



@mbipofficial



@mbipofficial

Bandar Raya Pintar, Mampan dan Sejahtera

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad
Datuk Bandar

Puan Hajah Khasanah binti Sufa'at@Supaat
Setiausaha

KETUA EDITOR

Encik Ruziman bin Rahmat

EDITOR

Encik Ahmad Zakwan bin Abdul Hamid
Encik Muhammad Zaizurin bin Razali
Encik Muhammad Zhulul-Nain bin Mohd Azman

SIDANG EDITOR

Puan Nurul Natasha binti Roslan
Puan Salidah binti Selamat
Puan Hajah Zurina binti Ibrahim
Cik Huda Al-Aqilah binti Hairol Azmi
Encik Aliff Haikal bin A Malik
Puan Antasya binti Mohamed

PEREKA

Encik Al-Imran bin Ariffin

JURUFOTO

Encik Mohd Farithrizal bin Md. Zain

PENERBIT

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
Jalan Medini Sentral 9, Bandar Medini Iskandar,
79250 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-5555 000
Call Centre : 1300-80-5000
Faks : 07-5567831
E-mel : admin@mbip.gov.my
Whatsapp Aduan : 019-7555404
Twitter : @mbipoffical
Instagram : @mbipoffical
Facebook : MBIP - Majlis Bandaraya
Iskandar Puteri

ISI KANDUNGAN

PERISTIWA

JULAI

PROGRAM IBADAH KORBAN PERDANA ISKANDAR PUTERI 2023	[03]
PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT PERPINDAHAN KELUARGA KE PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) MELANA INDAH FASA 2, TAMAN PERLING	[03]
PERHIMPUNAN PAGI DAN PELANCARAN GOTONG ROYONG PERDANA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI 2023	[04]
SESI DIALOG DAN TAKLIMAT PENAJA BERSAMA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[04]
LAWATAN PENANDA ARAS SEMPENA PENCAPAIAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BAGI ANUGERAH STANDARD PELANCONGAN ASEAN TAHUN 2023-2025	[04]
LAWATAN MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[05]
MAJLIS SAMBUTAN HARI PESARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023	[05]
TAYANGAN SKRIN GERGASI PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA FA 2023	[05]
LAWATAN TAPAK BAGI PENYELARASAN LALUAN ALTERNATIF PENGUSAHA-PENGUSAHA KEBUN DI LIMA KEDAI	[06]
TAKLIMAT PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK PERCUMA KEPADA PENGUSAHA KEDAI SERBANEKA STESEN MINYAK	[06]
EKSPO HARTANAH JOHOR 2023	[07]
PROGRAM ALAM SEKITAR SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) TNB JOHOR BERSEMPENA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025 MALAYSIA	[07]
ACARA PANDU LALU ISKANDAR PUTERI RENDAH KARBON SIRI 2/2023	[08]
OPERASI BERSEPADU HALANGAN KENDERAAN BERAT JABATAN PENGUATKUASAAN	[08]
SESI TOWNHALL COB MBIP BERSAMA PEMILIK FLAT TAMAN UNGKU TUN AMINAH	[08]

OGOS

TAKLIMAT PANEL PENGAUDITAN PROGRAM KELESTARIAN PENDIDIKAN LA 21 BAGI TAHUN 2023 PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[09]
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MENERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS	[09]
MALAYSIA SDG SUMMIT & ISKANDAR MALAYSIA SUSTAINABILITY SUMMIT (IMSS) 2023	[09]
SUMBANGAN KEPADA YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR DI PROGRAM AMAL LAKSAMANA RUN 2023	[10]
LAWATAN FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[10]
LAWATAN TAPAK DATUK BANDAR BERSAMA YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG, ADUN PERLING KE TAMAN REKREASI BUKIT INDAH	[10]
LAWATAN PENANDAARASAN MBIP KE GALERI YAYASAN WARISAN JOHOR	[11]
HAPPY EV-RIDERS, GERAN KOMUNITI ISKANDAR PUTERI RENDAH KARBON (IPRK) 3.0	[11]
LAWATAN PERBADANAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[11]

KEMPEN PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[12]
KUNJUNG HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR KEPADA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[12]
PENILAIAN LAPANGAN ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2023	[12]
PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN TAHUN 2023 PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU	[13]
PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI JOHOR	[13]
SEPTEMBER	
AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2015	[13]
MAJESTIC JOHOR FUN RIDE @ ISKANDAR PUTERI 2023	[14]
LAWATAN KERJA INOVASI KULAI FAST LANE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KE MAJLIS PERBANDARAN KULAI	[14]
LIBATSAMA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI DAN JAMES DYSON FOUNDATION MEMACU PENDIDIKAN MAMPAN & KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR DI NEGERI JOHOR	[15]
PROGRAM LESTARI MERDEKA BERSAMA KOMUNITI JENTATU, KANGKAR PULAI	[15]
LAWATAN KERJA DELIGASI DARIPADA JABATAN TANAH DAN SURVEI, SARAWAK DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	[16]
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA	[16]
CERAMAH INTEGRITI: INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN	[17]
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W PERINGKAT JOHOR BAHRU TAHUN 1445H / 2023M	[17]
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 1445H / 2023M	[18]
MAJLIS MULTAQQA ULAMA' DARUL TA'ZIM KALI KE-8	[18]
TAKLIMAT PENTAKSIRAN BERKAITAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[19]

MASYARAKAT

PROGRAM PLOGGING SEMPENA KEMPEN JOHOR BERSIH	[19]
--	------

LATIHAN

SEMINAR PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN STRATA	[20]
TAKLIMAT PENTAKSIRAN BERKAITAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	[20]
KURSUS TEAM BUILDING SIRI 2: JALINAN SEMANGAT PASUKAN KE ARAH KEUNGGULAN ORGANISASI	[21]

ZOOM

PELANTIKAN KAKITANGAN BAHARU (TETAP/KONTRAK)	[21-23]
KAKITANGAN BERSARA	[23]

PROGRAM IBADAH KORBAN PERDANA ISKANDAR PUTERI 2023

Oleh: Editor

Bagi menyahut seruan Hari Raya Aidiladha, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah menguniakan beberapa ekor lembu korban melalui Kerajaan Negeri Johor bersempena Program Korban Perdana Iskandar Puteri 2023.

Program korban tersebut telah diadakan pada 2 Julai 2023, Ahad di Masjid Taman Sri Pulai, Skudai, Johor. Sejurus selesai pengurusan aktiviti korban, daging- daging korban tersebut diagihkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin serta penduduk setempat di sekitar Bandaraya Iskandar Puteri dan Daerah Johor Bahru. Dalam pada itu, majlis penyerahan sumbangan kepada Jawatankuasa Masjid Taman Sri Pulai telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Turut menghadiri program, Yang Berhormat Dato' On bin Jabbar @ Ja'afar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan), Tuan Haji Muzaldin bin Mohamed, Pegawai Daerah Johor Bahru, Yang Dihormati Datin Hajah Norita binti Zaini, Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Tuan Haji Kamaruddin bin Hamat, Pengerusi Masjid Taman Sri Pulai, Ahli-Ahli Majlis serta petugas yang terdiri daripada kakitangan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Pejabat Daerah Johor Bahru, Southern Volunteers Johor dan Iskandar Puteri, Galeri Aura Islam dan Sukarelawan Masjid Taman Sri Pulai.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT PERPINDAHAN KELUARGA KE PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) MELANA INDAH FASA 2, TAMAN PERLING

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah melaksanakan Program Khidmat Masyarakat Perpindahan Keluarga dari Kampung Laut Skudai ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah Fasa 2, Taman Perling pada 6 Julai 2023, Khamis.

Pemindahan tersebut adalah hasil lawatan dan inisiatif Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan Yang Berhormat Puan Marina binti Ibrahim, ADUN Skudai pada 5 Julai 2023, Rabu yang memohon bantuan daripada pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri untuk bersama-sama membantu dalam memindahkan barangan keluarga ke PPR Melana Indah.

Atas permohonan tersebut, pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Southern Volunteers Iskandar Puteri turut menyumbang tenaga dengan membantu memindahkan barangan keluarga tersebut yang masih berada di Kampung Laut Skudai ke perumahan baru di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah.

PERHIMPUNAN PAGI DAN PELANCARAN GOTONG ROYONG PERDANA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI 2023

Oleh: Editor

Program Perhimpunan Pagi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri pada 10 Julai 2023, Isnin bertempat di Dewan Utama Bangunan MBIP, Medini.

Selain itu juga, Sesi Taklimat Pengenalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MBIP turut diadakan dan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Encik Ruziman bin Rahmat, Pengarah Korporat & Perhubungan Awam. Taklimat pengenalan ini merupakan salah satu usaha pihak MBIP dalam membudayakan amalan EKSA di persekitaran tempat kerja.

Program diteruskan lagi dengan Pelancaran Program Gotong Royong Perdana EKSA peringkat MBIP dan disempurnakan dengan melafaz Ikrar EKSA MBIP yang melibatkan pihak pengurusan tertinggi, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MBIP.



SESI DIALOG DAN TAKLIMAT PENJAJA BERSAMA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Pada 11 Julai 2023, Selasa satu sesi dialog bersama penjaja-penjaja Jalan Pulai Harmoni 3, Kangkar Pulai telah diadakan di Dewan Muafakat Taman Pulai Indah yang membincangkan berkenaan hala tuju Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) berkenaan menaiktaraf kawasan penjaja dan pengindahan landskap di sepanjang Jalan Pulai Harmoni 3, Kangkar Pulai.

Sesi dialog ini telah dihadiri bersama Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Ahmad, Datuk Bandar MBIP, Yang Berhormat Datuk Pandak bin Ahmad, ADUN Kota Iskandar, Puan Hajah Zainab binti Othman, Ahli Majlis Zon 2, Tuan Haji Yusof bin Ahmad, Ahli Majlis Zon 13, Encik Fakhru Zafran bin Absl Kamarul Zaman, Ahli Majlis Zon 5 dan ASP Mahmood bin Mohamed, wakil Ketua Polis Daerah IPD Iskandar Puteri

Seusai sesi dialog dilaksanakan, majlis diteruskan dengan sesi taklimat yang membincangkan perancangan projek naik taraf kepada penjaja. Sesi taklimat ini disampaikan oleh Encik Izan Shahrudin bin Maskam, Jurutera MBIP dan Encik Azrullail bin Masijan, Pengarah Pelesenan MBIP.

LAWATAN PENANDA ARAS SEMPENA PENCAPAIAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BAGI ANUGERAH STANDARD PELANCONGAN ASEAN TAHUN 2023-2025

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengadakan lawatan penanda aras ke Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 18 Julai 2023, Selasa bersempena pencapaian MBJB dalam merangkul Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Tahun 2023-2025 dalam kategori ASEAN Public Toilet Standard.

Lawatan ini telah diketuai oleh Hajah Khasanah binti Sufa'at @ Supaat, Setiausaha MBIP dan disambut baik oleh Tuan Ts. Mohd Faizal bin Hassan, Penolong Pengarah Kesihatan, Bahagian Alam Sekitar, Promosi dan Pendidikan Kesihatan MBJB.

Lawatan diadakan bertujuan untuk mendapatkan penerangan dan mempelajari usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak MBJB sehingga berjaya merangkul anugerah di peringkat kebangsaan yang menjadi contoh kepada MBIP. Lawatan ini serba sedikit dapat memberi ilmu dan pengalaman sepanjang lawatan ini yang boleh dijadikan panduan untuk diamalkan oleh semua pihak.

LAWATAN MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Pada 20 Julai 2023, Khamis, pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menerima lawatan daripada delegasi Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Yousrie bin Muhamad serta seramai 71 orang delegasi MTAT.

Delegasi MTAT ini telah disambut baik oleh Puan Nurulain binti Rahmat, Pengarah Kesihatan Awam MBIP, dan diberikan taklimat oleh Gs. TPr. Chew Lee Ting, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan GIS MBIP di Dewan Auditorium Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Medini.

Lawatan ini juga diadakan adalah untuk MTAT mendapatkan maklumat tentang peranan dan tanggungjawab MBIP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merancang pembangunan di negeri Johor amnya, dan di kawasan Iskandar Puteri khususnya yang merupakan kawasan pentadbiran MBIP.



MAJLIS SAMBUTAN HARI PESARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

Oleh: Editor

Majlis Sambutan Hari Pesara Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2023 telah diadakan pada 20 Julai 2023, Khamis di Dewan Utama Bangunan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Medini. Majlis ini telah dihadiri seramai 600 orang yang terdiri daripada Ahli Pertubuhan Pesara Kerajaan Malaysia (KUPEKMAS).

Majlis yang disambut dengan tema "Pesara Tonggak Kesejahteraan Negara" telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan dihadiri oleh, Yang Berbahagia Datuk Haji Omar bin Haji Osman, Presiden KUPEKMAS Kebangsaan serta Tuan Haji Mohd Shaman bin Jaes, Pengerusi KUPEKMAS Negeri Johor.

Majlis ini diadakan bertujuan bagi menghargai pesara-pesara yang telah berkhidmat dan menyalurkan bakti dalam membantu pembangunan dan kesejahteraan kepada negara dan masyarakat.



TAYANGAN SKRIN GERGASI PERLAWANAN BOLA SEPAK PIALA FA 2023

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bersama pengurusan Sireh Park telah menganjurkan tayangan skrin gergasi perlawanan bola sepak Piala FA 2023 antara pasukan JDT FC dengan Kuala Lumpur City FC pada 22 Julai 2023, Sabtu.

Tayangan tersebut telah diadakan di Sireh Park, Nusa Idaman. Pelbagai aktiviti seperti FoodTruck, Car Boot Sale, Skuter Elektrik, Bubble Ballon, Mini Go Kart, Night ATV dan banyak lagi. Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir ke Sireh Park bagi menyokong perlawanan bola sepak Piala FA 2023.

LAWATAN TAPAK BAGI PENYELARASAN LALUAN ALTERNATIF PENGUSAHA-PENGUSAHA KEBUN DI LIMA KEDAI

Oleh: Editor

Satu lawatan tapak telah dilaksanakan pada 24 Julai 2023, Isnin bagi menyelaraskan laluan alternatif pengusaha-pengusaha kebun di kawasan Lima Kedai, Skudai. Lawatan tersebut diadakan bertujuan bagi mengenalpasti laluan keluar dan laluan masuk kenderaan-kenderaan berat yang sering melalui kawasan tersebut.

Lawatan tersebut telah diketuai oleh Hajah Khasanah binti Supa'at @ Supaat, Setiausaha Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Encik Yusli bin Yusof, Ahli Majlis Zon 7 Lima Kedai, wakil-wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Tanah dan Galian Johor serta Jabatan dalaman Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Pelbagai makluman dan respon maklumbalas yang diperolehi semasa lawatan tersebut bagi membantu dalam meningkatkan lagi kemudahan orang awam dan masyarakat.



TAKLIMAT PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK PERCUMA KEPADA PENGUSAHA KEDAI SERBANEKA STESEN MINYAK

Oleh: Editor

Pada 25 Julai 2023, Selasa, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengadakan Sesi Taklimat Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma kepada Pengusaha Kedai Serbaneka Stesen Minyak. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Puan Nurulain binti Rahmat, Pengarah Kesihatan Awam MBIP kepada setiap pengusaha kedai serbaneka stesen minyak di dalam kawasan MBIP. Antara pengusaha stesen minyak yang hadir adalah wakil daripada syarikat Petronas, Petron dan Shell.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan terhadap Kempen Tiada Beg Plastik Percuma yang sedang dijalankan oleh pentadbiran MBIP. Selain itu juga, kempen ini mampu menggalakkan orang ramai untuk membawa beg serbaguna ketika berbelanja bagi mengurangkan penggunaan beg plastik secara keseluruhan dan berlebihan. Oleh itu, bagi menyokong pengurangan penggunaan beg plastik di stesen minyak, pengusaha turut disarankan untuk mengenakan cas sebanyak RM0.20 bagi setiap helaian beg plastik kepada pelanggan semasa pembelian di kaunter bayaran.



EKSPLO HARTANAH JOHOR 2023

Oleh: Editor

Ekspo Hartanah Johor 2023 telah dirasmikan oleh Menteri Besar Johor; Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi pada 27 Julai 2023 di Padang A, Plaza Angsana Johor Bahru. Ekspo tersebut telah dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ) yang melibatkan 4 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu).

Ekspo tersebut telah diadakan dengan bertujuan untuk mempromosikan projek-projek perumahan khusus di bawah kawalseliaan Kerajaan Johor. Oleh itu, pelbagai syarikat pemuja telah dijemput bagi mempamer dan mempromosikan projek perumahan kepada masyarakat.

Ekspo tersebut juga telah dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan selaku wakil rasmi Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Salehuddin bin Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Yang Berbahagia Tuan Haji Muzaldin bin Haji Mohamed, Pegawai Daerah Johor Bahru, Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Hajah Suhailizan binti Suliman, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta ketua-ketua jabatan persekutuan, negeri dan agensi.



PROGRAM ALAM SEKITAR SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) TNB JOHOR BERSEMPENA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025 MALAYSIA

Oleh: Editor

Pada 30 Julai 2023, Ahad, Program Alam Sekitar Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bersempena Kempen Penanaman 100 juta pokok 2021 - 2025 Malaysia yang diadakan di Sireh Park, Taman Nusa Idaman, Iskandar Puteri.

Program ini dianjurkan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang diketuai oleh Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad, Ketua Pegawai Kawal Selia & Pengurusan Pihak Berkepentingan TNB dengan Kerjasama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan Sireh Park. Program ini dirasmikan oleh YB Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan & Infrastruktur Negeri Johor.



PROGRAM PANDU LALU ISKANDAR PUTERI RENDAH KARBON SIRI 2/2023

Oleh: Editor

Pada 30 Julai 2023, Ahad, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) bersama-sama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Iskandar Regional Development Authority (IRDA), SWM Environment Sdn Bhd serta Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan dengan kerjasama Apeiron Bioenergy, Kloth Cares dan CBH Recycle telah menganjurkan Program Pandu Lalu Iskandar Puteri Rendah Karbon 2023.

Program Pandu Lalu ini telah dilaksanakan untuk kali yang ke-tiga di Taman Tropika, Tasik Ilmu, UTM Skudai bagi membolehkan penduduk di Iskandar Puteri untuk mengirimkan barangan kitar semula. Program ini juga membolehkan penduduk menjana pendapatan melalui penjualan minyak masak terpakai dan penjualan E-Waste (barangan elektronik kitar semula).

Program ini dimeriahkan dengan penyertaan lebih 420 orang penduduk di kawasan MBIP dan kawasan sekitarnya yang telah mengirimkan barangan kitar semula selama program ini dijalankan. Berat kutipan bagi minyak masak terpakai adalah sebanyak 3,573 kilogram manakala, berat kutipan bagi buku-buku terpakai serta E-Waste pula adalah sebanyak 2,431.47 kilogram dan 2,370 kilogram. Barangan kitar semula pula telah mendapat berat yang mencecah sehingga 4,000 kilogram.



OPERASI BERSEPADU HALANGAN KENDERAAN BERAT JABATAN PENGUATKUASAAN

Oleh: Editor

Satu operasi bersepadu Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah diadakan dengan bertujuan untuk menangani isu kenderaan berat yang diletakkan berhampiran dengan kawasan perumahan khususnya di bawah kawasan pentadbiran MBIP. Sepanjang operasi tersebut dijalankan, Jabatan Penguatkuasaan MBIP telah mengeluarkan sebanyak 14 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Taman MPJBT 1987 (UUK 7). Manakala, pihak JPJ telah mengeluarkan sebanyak 25 saman di bawah Seksyen 79(2) APJ 1987, Seksyen 48(1), APJ 1987 dan K 101A MV(C&U) 1959. Pihak PDRM juga telah mengeluarkan sebanyak 6 saman di bawah bidang kuasa PDRM iaitu saman Pol. 257 (1) dan saman Pol. 170A (6).

SESI TOWNHALL COB MBIP BERSAMA PEMILIK FLAT TAMAN UNGKU TUN AMINAH

Oleh: Editor

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengadakan sesi 'Townhall' bersama pemilik-pemilik Flat Taman Ungku Tun Aminah pada 30 Julai 2023, Ahad di Gelangang Bola Keranjang, Blok 18, Flat Taman Ungku Tun Aminah. Sesi Townhall ini telah dihadiri oleh Puan Chuah Lee Hui, Ahli Majlis Zon Taman Ungku Tun Aminah, Ahli Jawatankuasa Perbadanan Pengurusan (MC) dan pemilik-pemilik unit Flat Taman Ungku Tun Aminah. Sesi Townhall ini juga melibatkan pihak Tribunal Pengurusan Strata (TPS), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Bangunan, Jabatan Kesihatan dan Unit Pesuruhjaya Bangunan dalam menyampaikan taklimat, penerangan dan sesi soal jawab.

Tujuan Townhall ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada pemilik-pemilik skim pemajuan berstrata berkenaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan penerangan tentang tanggungjawab pemilik/perbadanan pengurusan (MC) berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Jabatan Kesihatan Awam MBIP turut menyampaikan taklimat kepada penduduk tentang penyakit berjangkit, demam denggi dan cara-cara untuk menghalang pembiakan nyamuk aedes. Manakala Jabatan Bangunan MBIP memberi taklimat berkenaan ubahsuai yang dibenarkan dan tidak dibenarkan di skim-skim pemajuan berstrata.

Tambahan, pihak IWK juga menerangkan berkenaan sistem pembentungan di skim-skim pemajuan berstrata dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menyenggara sistem tersebut. IWK turut membuka kaunter pembayaran kepada pemilik untuk menjelaskan Bil Indah Water. Manakala pihak Tribunal Pengurusan Strata menerangkan berkenaan peranan TPS dan pihak-pihak yang boleh membuat tuntutan di TPS. Turut hadir sama dalam menjayakan sesi townhall ini ialah wakil Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Encik Ridzzan Razak dan wakil Adun Skudai, Yang Berhormat Siti Fauziah Ismail.

TAKLIMAT PANEL PENGAUDITAN PROGRAM KELESTARIAN PENDIDIKAN LA 21 BAGI TAHUN 2023 PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Pada 1 Ogos 2023, Selasa, taklimat Kelestarian Pendidikan LA 21 telah dijalankan dengan jayanya oleh Puan Nurulain binti Rahmat, Pengarah Jabatan Kesihatan Awam Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), di Bilik Auditorium MBIP yang bertujuan untuk melantik panel penilai serta memberikan pendedahan berkaitan Program Kelestarian Pendidikan LA 21 tersebut.

Sebanyak 9 pihak telah dijemput pada taklimat itu iaitu Ahli-Ahli Majlis MBIP, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, Pejabat Pendidikan Daerah Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, SWCorp, Pejabat Pendidikan Islam Johor Bahru, Pejabat Pendidikan Islam Kulai, IPD Iskandar Puteri, IPD Johor Bahru Utara serta SWM Environment Sdn. Bhd

Sebanyak 55 buah sekolah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) serta Sekolah Agama Negeri Johor yang akan menyertai Pertandingan Kelestarian Pendidikan LA21 bagi tahun ini.



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI MENERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah hadir Majlis Anugerah Penghargaan Pencapaian Pengurusan Sisa oleh Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM) di Impiana Hotel Ipoh, Perak dan menerima Anugerah Penghargaan Khas di atas penglibatan aktif di dalam bidang alam sekitar, pendidikan dan kesedaran awam iaitu menerusi bidang pengurusan sisa mampan khusus dalam penawaran Geran Komuniti Iskandar Puteri Rendah Karbon (GKIPRK) dan Pertandingan Kalendar Iskandar Puteri Rendah Karbon serta aktiviti Kitar Semula Pandu Lalu, Pandu Lalu Iskandar Puteri Rendah Karbon. Usaha bagi membangunkan masyarakat rendah karbon di bawah Kerangka Iskandar Puteri Rendah Karbon (IPRK) adalah bersama-sama rakan strategik seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Iskandar Regional Development Authority (IRDA), SWM Environment Sdn Bhd serta Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ).



MALAYSIA SDG SUMMIT & ISKANDAR MALAYSIA SUSTAINABILITY SUMMIT (IMSS) 2023

Oleh: Salidah binti Selamat

Pada 9 dan 10 Ogos 2023, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menganjurkan Malaysia SDG Summit & Iskandar Malaysia Sustainability Summit (IMSS) 2023 dengan tema "Empowering Sustainability with Partners" di Sunway Big Box Retail Park, Sunway Hotel Iskandar Puteri.

Platform ini telah disertai oleh pelbagai golongan professional, korporat, ahli akademik dengan pengisian dialog dan perbincangan praktikal berkenaan idea iklim untuk tindakan kolektif yang merangkumi pembiayaan mampan, iklim mitigasi dan adaptasi serta bandar dan masyarakat rendah karbon.

MBIP turut dijemput untuk mengisi beberapa acara bersempena dengan program tersebut. Antaranya, penyediaan reruai pameran Ekspo SDGs yang bertempat di Sunway Big Box Retail dan menjadi ahli panel di dalam Sesi Perkongsian Ke-4 "Climate Change Makers" yang disertai oleh Encik Safwan bin Shaari, Pegawai Perancang Bandar dan Desa daripada Jabatan Perancangan Pembangunan di Sunway Hotel, Iskandar Puteri.

SUMBANGAN KEPADA YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR DI PROGRAM AMAL LAKSAMANA RUN 2023

Oleh: Editor

Datuk Bandar MBIP, Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad telah menyampaikan sumbangan daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) sejumlah RM20,000.00 kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) dalam Program Amal Laksamana Run 2023 pada 5 Ogos 2023, Sabtu. Sumbangan tersebut juga telah diterima baik oleh Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah binti Sultan Ibrahim. Diharapkan sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban pesakit-pesakit kanser.



LAWATAN FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Pada 7 Ogos 2023, Isnin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menerima lawatan daripada delegasi pelajar Tahun 2 Program Sarjana Muda Sains (Geoinformatik), Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai yang diketuai oleh Sr. Ts. Dr. Mohd Faisal bin Abdul Khanan, Pensyarah Kanan, Fakulti Alam Bina & Ukur, UTM.

Lawatan ini telah disertai seramai 55 orang pelajar Tahun 2 Program Sarjana Muda Sains (Geoinformatik), Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, bagi mendapatkan pemahaman dan pendedahan tentang peranan Geographic Information System (GIS) dalam urusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya MBIP. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Gs. TPr. Chew Lee Ting, Penolong Pengarah (Rancangan Pembangunan dan GIS), Jabatan Perancangan Pembangunan MBIP. Semoga ilmu yang telah dikongsi dalam lawatan ini dapat menjadi input yang berguna bagi pihak pelawat.



LAWATAN TAPAK DATUK BANDAR BERSAMA YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG, ADUN PERLING KE TAMAN REKREASI BUKIT INDAH

Oleh: Editor

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bersama Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong, ADUN Perling, Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Rashid bin Kasman, Ketua WHIP, Pihak Pemaju (SP Setia) dan para pegawai telah mengadakan lawatan tapak pada 20 Ogos 2023, Ahad di Taman Rekreasi Bukit Indah. Taman Rekreasi, Bukit Indah merupakan kawasan tumpuan bagi orang awam untuk menjalankan aktiviti sihat seperti beriadah dan bersenam. Oleh itu, taman rekreasi tersebut akan diselenggara bagi memastikan persekitaran kawasan ini bersih, selesa dan memberi manfaat kepada semua khususnya komuniti di sekitar Iskandar Puteri.

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KE GALERI YAYASAN WARISAN JOHOR

Oleh: Editor

Pada 10 Ogos 2023, Khamis, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Galeri Yayasan Warisan Johor, Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar. Rombongan delegasi tersebut telah diketuai oleh Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid, Timbalan Setiausaha MBIP bersama seramai 35 orang kakitangan MBIP

Matlamat lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari sejarah warisan, seni, tarian dan adat budaya Negeri Johor selain mencungkil idea, konsep dan input bagi pembinaan galeri MBIP. Delegasi turut merakamkan jutaan terima kasih & penghargaan kepada Encik Sharil Nizam bin Abdul Rahim, Pengarah Yayasan Warisan Johor dan seluruh warga kerja Yayasan Warisan Johor di atas santunan lawatan kali ini.



HAPPY EV-RIDERS, GERAN KOMUNITI ISKANDAR PUTERI RENDAH KARBON (IPRK) 3.0

Oleh: Solidah binti Selamat

Pada 19 Ogos 2023, dilaksanakan Projek Happy EV Rider yang dirasmikan oleh YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Perlaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI) bersama sama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad dan Dato' Dr. Badrul Hisham bin Kasim, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar di Fish Club, Horizon Hills.

Projek ini merupakan salah satu daripada 26 projek dipilih di bawah Geran Komuniti Iskandar Puteri Rendah Karbon 3.0 yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dengan kerjasama rakan strategik Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan SWM Environment Sdn Bhd di bawah kategori Infrastruktur Hijau dan Pintar. Projek yang diketuai oleh Ong Hwa Chong ini memberi fokus kepada usahawan tempatan yang menyediakan khidmat penghantaran bagi mengkaji kesan terhadap amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) perniagaan terhadap usaha mengurangkan kos operasi dan pelepasan karbon.



LAWATAN PERBADANAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR KE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Pada 20 Ogos, Isnin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menerima lawatan daripada Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ). Lawatan tersebut telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Abdul Malik bin Haji Ismail yang bertujuan bagi melihat serta mendapatkan perkongsian ilmu berkenaan sistem Geographic Information System (GIS). Pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perbadanan Pengangkutan Awam Johor di atas kesudian mengadakan lawatan di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

KEMPEN PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Bersempena dengan Bulan Kemerdekaan 2023, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah melaksanakan pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri pada 21 Ogos 2023, Isnin di Dewan Utama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Pelancaran tersebut telah dirasmikan oleh Datuk Bandar MBIP, Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad dan dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis serta kakitangan MBIP sejeurus selepas Program Perhimpunan Pagi MBIP di Dewan Utama MBIP, Bandar Medini. Kempen diteruskan dengan gimik pemasangan bendera pada kenderaan rasmi MBIP oleh Datuk Bandar MBIP.

Seusai acara di Dewan Utama MBIP, Medini, Datuk Bandar MBIP serta wakil kakitangan berkonvoi ke Terminal Feri Puteri Harbour bagi menyemarakkan lagi kempen tersebut. Kempen dimeriahkan lagi dengan pemasangan bendera Jalur Gemilang pada kenderaan awam seperti bas dan teksi di kawasan tersebut.



KUNJUNG HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR KEPADA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Editor

Pada 21 Ogos 2023, Isnin, Encik Mohd Ikmal Izam Zaini, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) bersama 3 orang pegawai daripada YKTLJ telah mengadakan kunjung hormat kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz Bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP).

Encik Mohd Ikmal Izam Zaini mengucapkan ribuan terima kasih dan menyerahkan Sijil Penghargaan dan cenderahati kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad atas penglibatan MBIP sebagai penganjur bersama bagi Program Amal Laksamana Run 2023 yang telah diadakan pada 5 Ogos 2023 di Gateway Garden, Bandar Medini.

Kedua-dua pihak juga turut bercadang untuk berkolaborasi bagi program-program yang akan dianjurkan oleh YKTLJ pada masa akan datang, terutamanya Program Amal Laksamana Run tahun hadapan.

PENILAIAN LAPANGAN ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2023

Oleh: Editor

Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) merupakan satu anugerah yang memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi mereka.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah berjaya menjadi salah satu organisasi yang layak ke peringkat penilaian lapangan fizikal bagi Anugerah Emas 20 Tertinggi. Penilaian Lapangan ini telah diadakan pada 28 Ogos 2023, Isnin, bertempat di Bangunan Pejabat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini. Pasukan penilai yang terlibat iaitu Puan Munah binti Abdul Aziz daripada Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Encik Shahir bin Addenan daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Objektif pelaksanaan penilaian lapangan ini adalah untuk menilai penzahiran komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam organisasi. Selain itu, pasukan penilai akan menyemak dan menilai skop, proses dan aktiviti serta pematuhan undang-undang dan peraturan terhadap integriti, tadbir urus dan antirasuah. Penilaian tersebut juga akan mengambil kira aspek pembudayaan dan pengamalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) berintegriti terbaik.

PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN TAHUN 2023 PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU

Oleh: Nurul Natasha binti Roslan

Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Daerah Johor Bahru bagi Tahun 2023 telah diadakan pada 31 Ogos 2023 bertempat di Dataran Bandaraya Johor Baru. 'Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan' telah diangkat sebagai tema Hari Kemerdekaan tahun ini dimana ianya membawa maksud kepada aspirasi tekad serta komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu-padu serta kehidupan yang aman dan sejahtera.

Acara tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md Shukur, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor selaku wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Program ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Muzaldin bin Haji Mohamed, Pegawai Daerah Johor Bahru, Hajah Khasanah binti Sufaat @ Supa'at, Setiausaha MBIP dan Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid, Timbalan Setiausaha MBIP.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah menyertai pertandingan tersebut dengan kontinjen seramai 38 orang kakitangan MBIP yang terdiri daripada pelbagai jabatan yang dianjurkan oleh Pejabat Tanah Johor Bahru.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri berjaya memenangi beberapa acara yang dipertandingkan dalam kategori Jabatan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun antaranya Naib Johan Pakaian Terbaik, Naib Johan Sepanduk Terbaik dan tempat ketiga Perbarisan Terbaik.. Semoga kemenangan yang diperolehi dapat memupuk dan menyuntik semangat patriotik dalam kalangan peserta yang terlibat.



PERBARISAN DAN PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI JOHOR

Oleh: Editor

Bersempena Hari Kebangsaan Ke-66, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah terlibat dengan menghantar kontinjen perbarisan dan perarakan untuk sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor di Simpang Renggam, Kluang pada 31 Ogos 2023, Khamis.

Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor tersebut telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Haji Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Puad Zarkashi, Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan ramai lagi. Sebanyak 118 penyertaan yang terdiri daripada pelbagai Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan termasuk Majlis Bandaraya Iskandar Puteri sendiri yang dianggotai seramai 37 orang kakitangan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri untuk menyertai perbarisan kawad kaki tersebut.



AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2015

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengadakan Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 yang telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 4 hingga 6 September 2023 bertempat di Pejabat MBIP Medini. Majlis Penutup Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Hajah Khasanah binti Sufaat @ Supaat, Setiausaha MBIP turut serta bersama pengarah-pengarah, auditor dalaman dan pegawai kualiti.

Sesi pengauditan kali ini diketuai oleh Ts. Mohd Faizul Yusof, ketua juruaudit turut bersama Encik Mohd Shahril Mohd Arshad dan Cik Nur Amira Amran dari SIRIM QAS International Sdn Bhd. Pensijilan semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 ini penting bagi memastikan segala prosedur standard Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 MBIP dilaksanakan dengan baik dan cemerlang agar teras perkhidmatan kepada pelanggan & pihak berkepentingan sentiasa selari dengan Visi dan Misi MBIP dalam menjadikan sebuah Bandaraya Pintar, Mampan dan Sejahtera.

MAJESTIC JOHOR FUN RIDE @ ISKANDAR PUTERI 2023

Oleh: Editor

2 September 2023, Sabtu, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menganjurkan Program Majestic Johor Fun Ride @ Iskandar Puteri bersempena Majestic Johor Festival di Puteri Harbour

Program tersebut telah dimeriahkan dengan kehadiran barisan tetamu kehormat iaitu Yang Berhormat Dato' Haji On bin Jabbar @ Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Belia, Sukan dan Keusahawanan); Tuan Haji Suhairi bin Haji Hashim, Pengarah Tourism Johor; Hajah Khasanah binti Sufa'at @ Supaat, Setiausaha MBIP; Encik Azly Suhaimi, Pengurus Kanan UEM Sunrise Bhd; dan Dato' Saripah Raziah binti Mustapha, Ketua Pegawai Eksekutif Star Vendors.

Seramai 200 orang peserta berbasikal telah menyertai pertandingan tersebut di mana melibatkan kayuhan sepanjang jarak 20 kilometer. Selesai acara berbasikal, program diteruskan dengan sesi cabutan bertuah di akhir program tersebut.

Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan peserta yang telah menyertai serta menjayakan Program Majestic Johor Fun Ride @ Iskandar Puteri 2023.



LAWATAN KERJA INOVASI KULAI FAST LANE MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KE MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Oleh: Editor

Pada 10 September 2023, Ahad, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah mengadakan lawatan kerja inovasi ke Majlis Perbandaran Kulai (MPKU). Lawatan inovasi ini bertujuan bagi mendapatkan pengetahuan lebih lanjut mengenai penerangan Kulai Fast Lane "Industrial Booster" dari Majlis Perbandaran Kulai. Lawatan ini telah disambut baik oleh Encik Yahya Ahmad, Ketua Unit Pusat Sehenti (OSC) dan Dato' Mohd Nizam Razak, Ketua Jabatan Bangunan. Pelbagai perkongsian dan intipati penerangan dan proses Kulai Fast Lane "Industrial Booster" ini telah di kongsi semasa lawatan tersebut.

Secara kesimpulannya, pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri turut berkesempatan dalam beramah-mesra dengan Yang Dipertua MPKU yang turut meraikan lawatan tersebut dan merakamkan ucapan terima kasih dalam kerjasama antara kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan akan diperluaskan dalam segmen Pembangunan Perbandaran dan Bandaraya.



LIBATSAMA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI DAN JAMES DYSON FOUNDATION MEMACU PENDIDIKAN MAMPAN & KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR DI NEGERI JOHOR

Oleh: Editor

Pada 5 September 2023, Selasa, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bersama rakan strategik telah menjalankan bengkel pembangunan professional kepada 100 orang guru sains sekolah rendah yang terdiri daripada 100 buah sekolah bertempat di Dewan Utama, MBIP, Bandar Medini Iskandar. Inisiatif ini disokong kuat oleh kemitraan diantara institusi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dengan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan James Dyson Foundation (JDF) bagi mendukung usaha sinergi pendidikan kelestarian sebagai elemen merentas kurikulum (EMK) menerusi E-STEM (Environment, Science, Technology, Engineering, Mathematics).

Tujuan inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk membudayakan amalan pengajaran berasaskan projek yang berpandukan kepada penghasilan amalan yang berimpak kepada pembelajaran pelajar dan juga kemampunan gaya hidup serta teknologi pintar. Menerusi bengkel ini, para guru diberikan latihan professional untuk pengendalian pembelajaran berasaskan projek menggunakan modul aktiviti JDF Challenge Cards dan pengendalian aktiviti yang selari dengan keperluan pembentukan karakter dan tabiat pemikiran sains & teknologi. Latihan ini dikendalikan oleh Puan Manyi Ho (JDF Projek Manager) dan Dr. Nor Farahwahidah (Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Malaysia, UTM) selaku penceramah.

Menariknya, para guru diberikan peluang untuk berinteraksi dan dibantu oleh jurutera-jurutera dari Dyson Malaysia semasa menjalankan aktiviti modul. Fasilitator daripada Centre for Engineering Education (CEE) dan Sekolah Pendidikan, UTM turut terlibat sama memimpin peningkatan amalan professional individu guru terhadap pemeraksanaan pelaksanaan E-STEM di Negeri Johor. Sokongan terhadap program Pendidikan yang ditonjolkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mendukung aspirasi membentuk komuniti yang inklusif dan berdaya huni sebagai persediaan MBIP menghak upayakan masyarakat ke arah Bandar Pintar.



PROGRAM LESTARI MERDEKA BERSAMA KOMUNITI JENTAYU, KANGKAR PULAI

Oleh: Salidah binti Selamat

Pada 16 September 2023, bersempena dengan sambutan Hari Malaysia, Holistics Lab Sdn Bhd berpeluang menyertai Program Lestari Merdeka 2023 bersama Komuniti Jentayu Kangkar Pulai. Program Lestari Merdeka 2023 merupakan Kerjasama antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), HOLISTICS Lab dan komuniti Jentayu Kangkar Pulai yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Pandak bin Ahmad, ADUN Kota Iskandar.

Turut juga hadir dalam program tersebut Ts. Dr. Zuhra Junaida Mohamad Husny Hamid, pengasas bersama HOLISTICS Lab Sdn Bhd. Pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri berharap program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini akan diperluaskan lagi supaya lebih ramai komuniti yang akan menerima manfaat yang berguna daripadanya.

LAWATAN KERJA DELIGASI DARIPADA JABATAN TANAH DAN SURVEI, SARAWAK DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dengan bangganya telah menyambut baik warga kerja daripada Jabatan Tanah Dan Survei (JTS), Sarawak dan pensyarah daripada Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 14 September 2023, Khamis. Delegasi tersebut telah diketuai oleh Ts. Gs. Sulaiman Bin Budin dan Prof. Madya TPr. Dr. Siti Hajar binti Misnan.

Rombongan tersebut telah diadakan untuk saling bertukar pendapat dengan pakar GIS MBIP. Kedua - dua kumpulan tenokrat telah melakukan perbincangan ke atas:

- i. Cara mengembangkan koleksi data
- ii. Teknik mencerpap data 3D
- iii. Kaedah membangunkan kompetensi kakitangan
- iv. Penyediaan platform bagi menggalak kerjasama antara agensi
- v. Keunikan sistem pentadbiran perancangan kedua-dua negeri
- vi. Bagaimana menggunakan teknologi GIS membantu Pengurusan Atasan memahami senario perancangan semasa dan jangka masa panjang

JTS Sarawak merupakan 'lead agency' dalam Malaysia yang menggunakan data 3D untuk meramal ke atas kesan pembangunan. Sistem pentadbiran tanah Sarawak juga telah melalui transformasi di mana kaedah ukur, pendaftaran hakmilik, kutipan hasil adalah berpaksikan kepada pangkalan data GIS yang dikenali sebagai E-LASIS. Fakta yang menarik antara MBIP dan JTS Sarawak adalah kedua-dua agensi telah sama-sama menerima Anugerah Special Achievement In GIS (SAG) 2022 di San Diego, USA daripada Bapa GIS, Mr. Jack Dangermond.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah menganjurkan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada 16 September 2023, Sabtu bertempat di Hutan Bandar MBIP Mutiara Rini. Sambutan ini adalah kerjasama bersama Persatuan Rakan Celik P.I.P.I Johor Bahru, Persatuan Sokongan Orang Kurang Upaya Johor Bahru (PSOKUJB) serta Institut Latihan Kementerian Kesihatan Johor Bahru (ILKKM).

Program ini telah melibatkan seramai 145 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Turut hadir Encik Mohd Faiz bin Abdullah, Ahli Majlis MBIP Zon Gelang Patah serta kakitangan daripada MBIP. Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan seperti senamrobik, perarakan, pelbagai jenis permainan dan lain-lain.

Program ini juga telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak. Diharapkan program seperti ini dapat memupuk semangat cinta akan negara.



CERAMAH INTEGRITI: INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Oleh: Editor

17 September 2023, Ahad, Ceramah Integriti: Integriti dan Akauntabiliti Dalam Perolehan Kerajaan telah diadakan bagi tujuan memberi hala tuju dan bimbingan dalam pelbagai aspek kepada kakitangan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri untuk bekerjasama meningkatkan kesedaran terhadap sifat integriti dalam kalangan kakitangan selain memupuk komitmen yang lebih tinggi dalam pembudayaan integriti. Sasaran peserta bagi program ceramah ini adalah kakitangan peringkat pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan. Selain itu, peserta yang terlibat merupakan kakitangan yang dilantik sebagai jawatankuasa perolehan dan menguruskan perolehan di setiap Jabatan/ Bahagian/ Unit.

Ceramah ini dibahagikan kepada dua sesi oleh pihak CJ Global Venture iaitu Yang Berhormat Dato' A. Samat bin Kasah, Mantan Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM yang memberikan pengenalan kepada integriti dan perkongsian mengenai rasuah 'Integriti dan Akauntabiliti dalam Perolehan Kerajaan. Manakala pada sesi seterusnya, Encik Md Shahrizal bin Che Dan yang merupakan mantan Pegawai Imigresen telah menyampaikan ceramah beliau yang bertajuk "Guarantee Money Pengkisahan dari Tirai Besi". Semoga dengan pelaksanaan program ceramah ini dapat memberi kesedaran kepada kakitangan MBIP tentang impak negatif rasuah serta memperkukuhkan integriti dalam diri kakitangan.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W PERINGKAT JOHOR BAHRU TAHUN 1445H / 2023M

Oleh: Editor

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah terlibat secara langsung dalam perbarisan sempena Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Daerah Johor Bahru yang diadakan di Masjid Sultan Iskandar Bandar Dato' Onn, Johor Bahru pada 28 September 2023. Sambutan tersebut telah dihadiri oleh Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Yang Terutama Tuan Haji Muzaldin bin Haji Mohamed, Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat MBIP, YM Ungku Ahmad bin YM Ungku Mohd Zakaria selaku wakil rasmi Datuk Bandar MBIP, serta tetamu kehormat yang lain. Tahniah juga kepada kontinjen MBIP kerana telah memenangi Kejohanan Kawad Kontinjen Terbaik Peringkat Daerah Johor Bahru.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 1445H / 2023M

Oleh: Editor

Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Negeri Johor 1445H/2023M telah diadakan di Masjid Sultan Ibrahim, Muar pada 28 September 2023, Khamis. DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku wakil rasmi DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor berangkat ke Masjid Sultan Ibrahim, Muar bagi menghadiri sambutan tersebut. Hadir sama dalam majlis tersebut adalah YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, YB Dato' Dr. Abdul Rahim Ramli, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, dan Yang Berhormat Tuan Mohd Fared Bin Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor.

Sambutan tersebut telah disertai oleh sebanyak 66 kontinjen yang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi Awam Negeri Johor dan lain-lain lagi. Tahniah juga diucapkan kepada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) di atas kemenangan dalam Johan Perarakan Kategori Jabatan Kerajaan dan Pertandingan Kontinjen Paling Ramai dengan penglibatan ahli kontinjen seramai 131 orang termasuk pasukan kompang dalam Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Negeri Johor 1445H/2023M kali ini. Timbalan Setiausaha MBIP, Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid mewakili MBIP telah menerima hadiah kemenangan tersebut.



MAJLIS MULTAQA ULAMA' DARUL TA'ZIM KALI KE-8

Oleh: Nurul Natasha binti Roslan

Majlis Multaqa Ulama' Darul Ta'zim kali ke-8 telah diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada 5 Rabiulawal 1445 Hijrah bersamaan 21 September 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. Penganjuran Majlis Multaqa Ulama' Darul Ta'zim kali ke-8 pada tahun ini memfokuskan kepada pendekatan dakwah kepada golongan muda dalam memartabatkan akidah Ahli Sunnah Wal-jamaah, Aliran As-Syariah Wal-Maturidiyah di Negeri Johor dengan bertemakan #OrangMudaJohorBeragama di laman media sosial.

Majlis Multaqa Ulama' Darul Ta'zim kali ke-8 ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor. Turut hadir, Dato' Dr. Haji Abdu Rahim bin Ramli, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadut, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Dato' Haji Yahya bin Ahmad, Mufti Johor, Tuan Haji Jamaludin bin Haji A. Hamid, Pengarah Jabatan Agama Islam Johor, Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Hajah Khasanah binti Supaat @ Sufa'at, Setiausaha Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan lain-lain.

Majlis yang berlangsung selama enam jam ini membicarakan tentang pendekatan dakwah kepada orang muda sebagai benteng barisan hadapan dalam memperkasa akidah Ahli Sunnah Wal-jamaah. Penghayatan Qudwah Orang Muda Johor disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Mohamad Azamudin bin Zainal (Azam Al-Kankari), Guru Agama Johor dan Pendakwah Bebas bersama dua panel jemputan iaitu Yang Berbahagia Ustaz Dr Othman bin Sahalan, Pensyarah Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) dan Yang Berbahagia Ustaz Esby Islami bin Hj Rifai, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Johor.

Lebih daripada 1000 peserta yang menghadiri ke forum ini dan seramai 82 peserta daripada Southern Volunteers Iskandar Puteri turut menyertai Majlis Multaqa Ulama' Darul Ta'zim kali ke-8. Antara intipati penting dalam titah ucapan baginda ialah meminta anak muda Negeri Johor supaya tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang takkan membawa untung pun pada negeri ini. Tidak kisah dalam prinsip mahupun polisi, situasi agama ataupun dalam situasi ekonomi. Hal ini kerana, Negeri Johor adalah negeri yang sangat unik dan kaya dengan sejarah negeri yang tersendiri.

TAKLIMAT PENTAKSIRAN BERKAITAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Kalaiselvi Kumarasamy

25 September 2023, Projek ini terdiri daripada beberapa penilaian di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) yang bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada pelbagai aktiviti pekerjaan. Beberapa penilaian yang bakal dilaksanakan di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri termasuk Menilai Risiko Kesihatan Pekerja disebabkan Pendedahan kepada Bahan Kimia (CHRA), Menilai Risiko Ergonomik (ERA), Menilai Risiko Pendedahan Bunyi Bising (NRA) dan Menilai Kualiti Udara Dalam (IAQ). Laporan ini bertujuan untuk menjelaskan status semasa Projek Kajian berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Perunding.

PROGRAM PLOGGING SEMPENA KEMPEN JOHOR BERSIH

Oleh: Kalaiselvi A/P Kumarasamy

Kempen Johor Bersih dilaksanakan bagi menyokong Negeri Johor kearah negeri yang bersih, ceria dan indah, turut juga memupuk tabiat penjagaan kebersihan dan kelestarian dalam kalangan Masyarakat Negeri Johor khususnya. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) menyokong Kempen Johor Bersih telah melaksanakan Program Plogging dan kerja-kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bertindak sebagai pembersihan di sekitar kawasan pentadbiran MBIP. Antara agensi-agensi yang turut membantu menjayakan Kempen Johor Bersih adalah Adun, Ahli Majlis, Southern Volunteer Iskandar Puteri, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, Siswa Siswi Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Johor Bahru, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, SWCorp & SWM, Ocean Network Express (Malaysia) Sdn Bhd, Universiti Teknologi Malaysia, COMBI Johor Bahru, kakitangan MBIP dan komuniti awam.

JULAI

- Jalan Sutera 2/12, Taman Sutera Utama
- Jalan Sutera Pulai 1/7, Taman Sutera Utama
- Taman Perumahan Jalan Simbang 17, 18 dan 19, Taman Perling
- PPR Melana Indah Fasa 1, Taman Perling
- Jalan Kacang Panjang, Gelang Patah
- Taman Rekreasi Sungai Skudai, Taman Impian Emas
- Blok D, Flat Simbang
- Kampung Laut Batu 10, Skudai

OGOS

- Jalan Jati 7/1, Taman Sutera Utama
- Persekitaran di Sungai Skudai
- PPR Melana Indah 1, Jalan Sutera Ros 12/1, Taman Perling
- Flat Taman Perling, Jalan Pekaka 3, Taman Perling
- Jalan Perwira 11, Taman Ungku Tun Aminah
- Taman Permainan Kanak-Kanak, Jalan Perwira 11, Taman Ungku Tun Aminah
- Flat 10 — 20, Taman Ungku Tun Aminah
- Jalan Medan Nusa Perintis 3, Taman Nusa Perintis
- Flat Simbang, Taman Perling
- Taman Perumahan Jalan Simbang 17, 18 & 19, Taman Perling

SEPTEMBER

- Taman Rekreasi Sungai Skudai
- Taman Impian Emas
- Kampung Laut Batu 10, Skudai
- PPR Melana Indah 1, Taman Perling
- Taman Permainan Kanak - Kanak Jalan NB2 21/1, Taman Nusa Bestari 2
- Dataran Sireh Park, Iskandar Puteri
- Jalan Persiaran Teknologi, Taman Teknologi Johor

Pelaksanaan Kempen Johor Bersih ini dapat mewujudkan keharmonian antara masyarakat dan agensi-agensi yang terlibat sama yang merupakan tunjang kepada kemajuan negara pada masa kini dan masa hadapan.



SEMINAR PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN STRATA

Oleh: Sufi Diyanah binti Mohd Nazeri

Pada 24 September 2023, Ahad bertempat di Dewan Auditorium, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah menganjurkan seminar menerusi Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) iaitu Seminar Pendidikan Dan Pengurusan Strata yang telah berjaya menarik penyertaan seramai 130 orang wakil JMB/MC bagi skim perumahan strata yang berada di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), dan mendapat respon yang positif dari para peserta.

Antara topik-topik yang disampaikan menerusi seminar setengah hari ini adalah seperti:

- (1) Tanggungjawab dan kuasa JMB/MC
- (2) Peranan Tribunal dan Hubung Kait Isu-isu Strata
- (3) Penguatkuasaan di Skim Pembangunan Berstrata.

Timbalan Setiausaha MBIP, En Shahrulizam Bin Abdul Rashid selaku wakil Datuk Bandar MBIP menerusi ucapan perasmian beliau menaruh harapan agar seminar yang telah dianjurkan oleh MBIP ini mencapai matlamat penyampaian informasi, pengetahuan dan kesedaran kepada semua pihak.

Pihak MBIP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Puan Norizal Binti Mohamed Noor dan Puan Nur Intan Zulaika Binti Ab Wahad wakil Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dan para penceramah Puan Farahdillah Binti Ngaddemin, Penolong Pengarah Pesuruhjaya Bangunan MBBJ, Puan Hayatul Wirdah Binti Mohd Yunos, Tribunal Pengurusan Strata Zon Selatan dan Sr. Mohd Marwan Bin Khaliluddin, Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya yang telah sudi memenuhi undangan sebagai penceramah.

Seminar ini turut dihadiri Puan Eniza Binti Zainal Abidin, Pengarah Pesuruhjaya Bangunan, Ahli Majlis MBIP dan para pegawai Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.



TAKLIMAT PENTAKSIRAN BERKAITAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

Oleh: Kalaiselvi Kumarasamy

Pada 25 September 2023, Isnin. Telah dilaksanakan taklimat pentaksiran yang disertai daripada beberapa penilaian dibawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP). Taklimat ini bertujuan untuk memastikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada pelbagai aktiviti pekerjaan.

Beberapa penilaian yang bakal dilaksanakan di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri termasuk Menilai Risiko Kesihatan Pekerja disebabkan Pendedahan kepada Bahan Kimia (CHRA), Menilai Risiko Ergnomik (ERA), Menilai Risiko Pendedahan Bunyi Bising (NRA) dan Menilai Kualiti Udara Dalam (IAQ). Laporan ini bertujuan untuk menjelaskan status semasa Projek Kajian Berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Perunding. Taklimat ini telah dilaksanakan oleh Encik Lee Kim Sai dari Astar Laboratory Sdn Bhd.

KURSUS TEAM BUILDING SIRI 2: JALINAN SEMANGAT PASUKAN KE ARAH KEUNGGULAN ORGANISASI

Oleh: Aliff Haikal bin A Malik










Kursus Team Building Siri 2: Jalinan Semangat Pasukan Ke Arah Keunggulan Organisasi telah diadakan bagi bertujuan untuk melahirkan modul insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah pra-syarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi kerajaan dengan berkesan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Justeru, modul insan sektor awam perlu dibangunkan secara optimum di peringkat awal pelantikan agar dapat melahirkan pegawai yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya negara. Kursus ini telah diadakan pada 19 hingga 21 September 2023 di Savanna Hill Resort, Ulu Tiram dan dihadiri seramai 40 orang peserta. Kursus ini telah dikendalikan oleh Encik Bahagia Jemali, jurulatih daripada My BodyWork.









PELANTIKAN KAKITANGAN BAHARU (TETAP / KONTRAK)

Oleh: Antasya binti Mohamed

Pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah melantik seramai 53 kakitangan baharu bagi mengisi kekosongan jawatan. Tahniah diucapkan atas pelantikan dalam perkhidmatan awam dan semoga semua kakitangan baharu dilantik dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur, amanah dan berintegriti.

 <p>NAMA : MAIZATUL AKMAR BIN RABUDIN JAWATAN : Penolong Pegawai Tadbir N29 (Kontrak) JABATAN : Unit Integriti, Jabatan Khidmat Pengurusan</p>	 <p>NAMA : NUR FASIAH AMNI BINTI MOHD SUHAIMI JAWATAN : Penolong Jurutera JA29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : JESSY BAIN ANAK SANG JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>
 <p>NAMA : MUHAMMAD RIDHUWAN BIN HAZMAN JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : NUR FARIHA BINTI ZAWAWI JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : DENIAL ATIKA BINTI MOHD BUHARI JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>
 <p>NAMA : IZA ZAYYA BINTI NAHAR JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : DANIAL ASHYRAFF BIN JAFRIDIN JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD AIMAN FAED BIN RAZAK JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>
 <p>NAMA : NORILYAH BINTI SAAT JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : SUPARDI BIN SUADI JAWATAN : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : IZZANIE FITRI BIN RAFIE JAWATAN : Penolong Pustakawan S29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

 <p>NAMA : MUHAMAD IZZAT HAZIQ BIN HAZRIN JAWATAN : Penolong Pegawai Pertanian G29 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Landskap</p>	 <p>NAMA : MOHD BADRUL HISHAM BIN BAHARUDIN JAWATAN : Penolong Akauntan W29 (Kontrak) JABATAN : Unit Audit Dalam</p>	 <p>NAMA : PUTRA MUHAMAD SHAFIQ BIN HUSIN JAWATAN : Penolong Pegawai Senibina JA29 (Kontrak) JABATAN : Unit Pusat Sehenti (OSC)</p>
 <p>NAMA : SYAFIQ BIN MUSA JAWATAN : Penolong Jurutera JA29 (Kontrak) JABATAN : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)</p>	 <p>NAMA : AMIRATUL FATIMAH BINTI JALIL JAWATAN : Pembantu Akauntan W19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kewangan</p>	 <p>NAMA : NURSYAHDINA BINTI ABDULLAH JAWATAN : Pembantu Akauntan W19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kewangan</p>
 <p>NAMA : LAYLA MASTURA BINTI MOHD NIZAM JAWATAN : Pembantu Akauntan W19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kewangan</p>	 <p>NAMA : AMIRA NABILA BINTI MOHD SHAMSUL JAWATAN : Pembantu Akauntan W19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kewangan</p>	 <p>NAMA : NUR ANIQAH BINTI ABD RAHMAN JAWATAN : Pembantu Akauntan W19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kewangan</p>
 <p>NAMA : MOHAMAD FIRDAUS BIN ISMAIL JAWATAN : Pembantu Kemahiran H19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MOHD ZARUDI BIN OTHMAN JAWATAN : Pembantu Kemahiran H19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MOHD MASRY BIN ROSLI JAWATAN : Pembantu Kemahiran H19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>
 <p>NAMA : MUHAMMAD FAIZAL AZLIE BIN MOHD JARCAH JAWATAN : Pembantu Kemahiran H19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : NOOR HAKIM BIN AHMAD JAWATAN : Pembantu Kemahiran H19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MOHAMAD AMIRUL BIN AMIRIN JAWATAN : Pembantu Kemahiran H19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>
 <p>NAMA : NURUL FAKHIRAH BINTI MOHD AYOB JAWATAN : Pembantu Pustakawan S19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>	 <p>NAMA : NURULLIANA MARSIELLA BINTI AZIZ JAWATAN : Pembantu Pustakawan S19 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>	 <p>NAMA : SHAHIZA BINTI SAMAD JAWATAN : Pembantu Penilaian W19 (Kontrak) JABATAN : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)</p>
 <p>NAMA : MUHAMMAD FARID BIN SHAMSUDDIN JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD FISABILILLAH BIN ZULKEFLI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD NURSAFIEE BIN MOHAIDIN JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>
 <p>NAMA : SYAKIRIN SYAHADAT BIN MUHAMMAD JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>	 <p>NAMA : MOHAMAD WAFIUDDIN BIN AHMAD @ AYUB JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Tetap) JABATAN : Jabatan Kewangan</p>	 <p>NAMA : MOHAMMAD DZULFADZLI HAKKIM BIN MOHD AFFANDI JAWATAN : Pemandu Kenderaan H11 (Tetap) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>

 <p>NAMA : MOHAMAD HAIRUL NIZAM BIN ABDULL SATAR JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MOHAMAD YUSOF BIN AHMAD JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MOHAMAD AMINUDDIN BIN MOHD MISNI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>
 <p>NAMA : AMIRUL AKMAL BIN ROSLI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : ARIEF DANIEL BIN MOHD NAZARI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD ALIFF BIN MOHD ZAMURI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>
 <p>NAMA : MUHAMMAD AFIF MUQRI BIN MIZLAN JAWATAN : Pembantu Awam N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kejuruteraan</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD SYAHMI BIN ROSLI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Bangunan</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD HAIREE AZMIL BIN MD JAMIL JAWATAN : Pembantu Awam H11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Bangunan</p>
 <p>NAMA : AZSYAMER HAQIME BIN ZULKIFLY JAWATAN : Pembantu Awam H11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD FAIZAL BIN MOHAMAD ESA JAWATAN : Pembantu Awam H11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : AMMAR HAFIFI BIN NOR HAIMI JAWATAN : Pembantu Awam H11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>
 <p>NAMA : MOHD AIZAT MUKHLIS BIN MOHAMAD YAZIR JAWATAN : Pembantu Awam H11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Kesihatan Awam</p>	 <p>NAMA : MOHAMMAD HAIKAL BIN JAMARI JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Penguatkuasaan</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD HAZIQ KHAN BIN ZULKARNAIN KHAN JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Kontrak) JABATAN : Jabatan Landskap</p>
 <p>NAMA : SAUFIDANIEL BIN SAPUAN JAWATAN : Pembantu Operasi N11 (Tetap) JABATAN : Unit Undang-undang</p>	 <p>NAMA : MUHAMMAD NABIL BIN AZHAR JAWATAN : Pembantu Awam H11 (Kontrak) JABATAN : Unit Pusat Sehenti (OSC)</p>	

KAKITANGAN BERSARA

Oleh: Antasya binti Mohamed

Pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri merakamkan ucapan penghargaan kepada kakitangan berikut yang telah bersara pilihan atas sumbangan yang diberikan kepada pihak Majlis sepanjang tempoh perkhidmatan.

	<p>NAMA : ROSLAN BIN MOHAMED SHAH JAWATAN : Pembantu Awam Gred H14 TARIKH PERKHIDMATAN : 30 Tahun 11 Bulan (15.09.1992 - 01.09.2023) JABATAN TERAKHIR : Jabatan Kesihatan Awam</p>
---	---



**MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
JALAN MEDINI SENTRAL 9, BANDAR MEDINI ISKANDAR,
79250 ISKANDAR PUTERI, JOHOR DARUL TA'ZIM.**



www.mbip.gov.my



1-300-80-5000



07-5555000



019-7555404



MBIP - Majlis Bandaraya Iskandar Puteri



@mbipofficial



@mbipofficial

